

28 SEP 2000

Ong-Rakan Muda

KEMENTERIAN MAHU PUSAT BELI-BELAH SEDIA KEMUDAHAN RAKAN MUDA

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Kementerian Belia dan Sukan menyeru pusat membeli belah supaya menyediakan kemudahan dan program yang membolehkan kegiatan Rakan Muda dijalankan di tempat mereka.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat berkata ini memandangkan golongan muda terutama remaja suka menghabiskan masa di pusat-pusat membeli belah dan langkah itu boleh mendorong mereka melakukan aktiviti yang berfaedah di tempat tersebut.

"Saya dapati sesetengah pusat membeli belah memiliki kawasan yang cukup luas untuk menampung keperluan aktiviti Rakan Muda tetapi mereka tidak menggunakannya sebaik mungkin," katanya selepas perasmian Program Rakan Muda dan Sukan Untuk Semua Pusat Membeli Belah, di Kompleks Mutiara di sini, hari ini.

Sempena upacara itu juga berlangsung majlis menandatangani Perjanjian Persefahaman antara kementerian dengan Kompleks Mutiara Management Sdn Bhd, pusat membeli belah kedua bersetuju menyediakan kemudahan dan program Rakan Muda selepas Pasar Seni.

Turut hadir ahli Parlimen Kawasan Batu, Ng Lip Yong, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan, Ong Ang Iearn, Penolong Pengarah 1 Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan, Hashim Sintol dan pengurus Kompleks Mutiara Management Sdn Bhd, Hazlina Abdullah.

Ong juga berkata sasaran kementerian ialah sekurang-kurangnya 60 peratus pusat membeli belah di Lembah Kelang menjayakan program Rakan Muda.

Menurut beliau aktiviti untuk generasi muda perlu diperluaskan dan dipelbagaikan dengan mengikut perkembangan semasa. "X-treme Sports" adalah antara sukan baru yang diminati remaja dan patut digalakkan.

Mengenai pandangan negatif orang ramai terhadap program Rakan Muda selepas hampir enam tahun dilancarkan, beliau berkata ada pihak berkata ia mendapat sambutan baik dan ada juga yang menidakkannya.

"Bagaimanapun kami bersikap terbuka dan menerima segala teguran untuk memperbaikinya di masa hadapan," kata Ong.

Program Rakan Muda, dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk seri Dr Mahathir Mohamad pada 27 Okt 1994, memperkenalkan sembilan Gaya Hidup kepada generasi muda iaitu Rakan Wajadiri, Rekreasi, Sukan, Rekacipta, Cinta Alam, Seni dan Budaya, Masyarakat, Usaha dan Mahir dan Kecergasan.

Kementerian sedang mengadakan kajian secara terperinci terhadap keberkesanan program Rakan Muda dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

"Program Rakan Muda akan dijalankan mengikut maklumbalas dan citarasa kumpulan sasaran itu," katanya.

Ong juga berkata kejayaan Malaysia sewaktu menganjurkan Sukan SEA tahun depan di Kuala Lumpur akan ditentukan oleh generasi muda yang akan bertindak sebagai sukarelawan sukan tersebut.

"Golongan muda inilah yang banyak memainkan peranan penting sewaktu temasya sukan tersebut (Sukan SEA 2001). Usaha merekalah yang akan menentukan kejayaan sesuatu temasya sukan yang Malaysia anjurkan," katanya.

"Kerana itulah pentingnya program Rakan Muda dalam mewujudkan semangat 'kesukarelawan' dalam golongan muda kerana inilah sikap yang dapat menentukan kejayaan satu-satu penganjuran dan keramaian," kata Ong.

Pada Sukan Komanwel 1998 di Kuala Lumpur jelas sukarelawan memainkan peranan penting dalam melancarkan temasya kedua terbesar dunia itu selepas Sukan Olimpik.

Dalam Sukan Olimpik 2000 di Sydney yang sedang berlangsung sekarang lebih 3,000 sukarelawan telah digunakan untuk memudahkan perjalanan temasya sukan tersebut.

-- BERNAMA

KAY ZS ZB